



# BILIF

## SIARAN AKHBAR

### **BILIF MENGANJURKAN HR RETREAT 2023 BERTEMAKAN “PEOPLE, POTENTIAL, PROGRESS”**

**Selasa, 21 Muharram 1445H bersamaan dengan 8 Ogos 2023M**

---

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menganjurkan acara tahunan HR Retreat pada hari Selasa, 21 Muharram 1445H bersamaan dengan 8 Ogos 2023M. Acara ini telah dihadiri seramai lebih 40 ahli profesional sumber tenaga manusia dari organisasi kerajaan dan swasta, di antaranya adalah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Darussalam Enterprise (DARe), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Baiduri Bank Group, Standard Chartered Bank, dan Datastream Digital Sdn Bhd.
2. Objektif acara tersebut antaranya adalah untuk terus memupuk hubungan baik antara BILIF dengan pihak berkepentingan serta pelanggan-pelanggan BILIF, dan seterusnya menjadi sebuah platform bagi para peserta untuk membina rangkaian, bertukar-tukar pendapat sekaligus belajar antara satu sama lain. Acara tersebut juga bertujuan untuk mengulas isu-isu dan trend semasa berkaitan dengan tenaga manusia serta strategi pemulihan dalam pembangunan modal insan.
3. Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF. Ucapan beliau antaranya menyentuh mengenai fungsi dan peranan ahli-ahli profesional sumber tenaga manusia sebagai rakan strategik bagi jabatan-jabatan sesebuah organisasi dalam mendorong pembangunan modal insan dan kemahiran diri seluruh pekerja. Selain itu, beliau juga menekankan kepentingan memupuk budaya dan membina strategi yang menggalakkan pekerja untuk meningkatkan secara proaktif kemahiran diri dan bakat masing-masing. Pendekatan ini bukan sahaja akan meningkatkan pengekalan pekerja bahkan juga dapat memastikan kemampanan dan kejayaan jangka panjang sesebuah organisasi.
4. Acara tersebut diteruskan dengan beberapa buah pembentangan bagi sesi pagi bertajuk “People, Potential, Progress” yang telah disampaikan oleh Dr Logama Doraisamy, Senior Consultant, Salve Asia dan diteruskan dengan sesi-sesi pembentangan termasuk “Learning & Development Programmes 2024” yang disampaikan oleh pihak BILIF. Acara bersambung pada sebelah petang dengan bengkel bertajuk “Human Competency and Capacity Development” yang disampaikan oleh Dr Logama.
5. Ditubuhkan pada tahun 2010, Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) menawarkan program pembelajaran dan latihan berkualiti tinggi serta menganjurkan seminar-seminar khas dan

acara kolaborasi dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan. Di antara program khas BILIF ialah program Leadership in Islamic Finance & Economics (LIFE) yang menawarkan pembelajaran profesional lanjutan yang komprehensif merangkumi aspek-aspek penting kewangan Islam dalam perbankan, takaful dan pasaran modal Islam. Salah satu ciri menarik LIFE ialah orang ramai boleh menyertai dan menjadi pakar tanpa sebarang latar belakang kewangan Islam. BILIF juga menawarkan tiga (3) program kepimpinan khas iaitu Young Executive Leadership Programme (YELP), Senior Executive Advanced Leadership (SEAL), dan High Impact Executive Leadership (HIEL) yang direka untuk memperkasakan tenaga kerja di pelbagai peringkat kerjaya dan membantu untuk memaksimumkan potensi mereka. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn) atau akaun Instagram @BILIF.bn.